

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 7 TAHUN 1976

PREMIUM TAMBAHAN BAGI PENUKARAN JENIS KEGUNAAN TANAH DI BAWAH SEKSYEN 124 K.T.N

M.M.K yang bersidang pada 15.5.1976 selepas menimbang Kertas Bil. 8/318/76 (40) bagaimana di kandungan (19) dalam fail PTG. Kn. 176 telah mengkaji dan meneliti semula kadar premium tambahan (further premium) yang dikenakan di bawah Seksyen 124 (5) (a) K.T.N bagi tanah-tanah miliki yang diberi kelulusan menukar jenis kegunaannya. Dengan berpandukan kadar-kadar premium tambahan yang sedang dipakai di negeri-negeri lain, seperti di Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Terengganu, Melaka, Perak, Kedah dan Johor maka M.M.K telah membuat ketetapan bahawa penukaran daripada jenis kegunaan yang tersebut di bawah ruangan 1 kepada jenis kegunaan yang tersebut di bawah ruangan 2 hendaklah dikenakan premium tambahan atas kadar yang ditetapkan di bawah ruangan 3.

RUANGAN 1 (Daripada)		RUANGAN 2 (Kepada)	RUANGAN 3 (Kadar)
(a) Pertanian	-	Bangunan Kediaman	tidak lebih dari 5% daripada perbezaan harga tanah mengikut jenis kegunaan sekarang dengan harga tanah jenis yang baharu.
(b) Pertanian	-	Bangunan Perniagaan	tidak lebih dari 10% daripada perbezaan harga tanah mengikut jenis kegunaan sekarang dengan harga tanah jenis yang baharu.

- | | | | | |
|-----|-------------------------------|---|---------------------|--|
| (c) | Pertanian
atau
Bangunan | - | Bangunan Perusahaan | tidak lebih dari 20%
daripada perbezaan
harga tanah
mengikut jenis
kegunaan sekarang
dengan harga tanah
jenis yang baharu. |
|-----|-------------------------------|---|---------------------|--|

RUANGAN 1
(Daripada)

RUANGAN 2
(Kepada)

RUANGAN 3
(Kadar)

- | | | | | |
|-----|-------------------------------|---|---------------------|--|
| (a) | Pertanian | - | Bangunan Kediaman | tidak lebih dari 5%
daripada harga
bangunan yang telah
didirikan dengan
melanggar syarat
kegunaan tanah. |
| (b) | Pertanian | - | Bangunan Perniagaan | tidak lebih dari 10%
daripada harga
bangunan yang telah
didirikan dengan
melanggar syarat
kegunaan tanah. |
| (c) | Pertanian
atau
Bangunan | - | Perusahaan | tidak lebih dari 20%
daripada harga
bangunan yang telah
didirikan dengan
melanggar syarat
kegunaan tanah. |

3. Tertakluk kepada syarat-syarat bagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 3 dan 4 di bawah ini, jika berlaku pelanggaran syarat bagi tanah-tanah yang berkenaan itu, maka premium tambahan (sebagai denda) hendaklah dikenakan sebagai tambahan lagi kepada kadar bagaimana dalam perenggan 1 di atas. Asas perkiraan hendaklah berdasarkan kepada harga bangunan yang telah didirikan dengan melanggar syarat kegunaan tanah itu, yakni tidak termasuk bangunan-bangunan yang dibenar didirikan di bawah Sek 115(1) (a) KTN. Kadarnya adalah seperti berikut:-

4. Jika pelanggaran syarat itu telah dilakukan dari semenjak sebelum tahun 1971 (sebelum keluar Pengedaran PTG. Bil.1/71) maka premium tambahan (sebagai denda) itu hendaklah dikenakan tidak lebih dari separuh sahaja daripada kadar yang ditetapkan bagaimana dalam perenggan 2 di atas.

5. Bagi tanah-tanah yang terletak di luar Kawasan Bandar atau di luar Kawasan Kawalan Yang Diwartakan hendak dikenakan separuh sahaja daripada kadar yang telah ditetapkan bagaimana dalam perenggan 2 di atas.

6. Semasa menyediakan Kertas M.M.K Pemungut Hasil Tanah hendaklah menyatakan dengan jelasnya dalam kertas itu harga tanah yang berkenaan mengikut jenis kegunaannya sekarang dan juga anggaran tanah mengikut kegunaannya yang baru. Kenyataan ini diperlukan kerana harga tanah tambahan yang dikenakan di bawah Sek. 124 (5) (c) KTN. Diasaskan mengikut perbezaan di antara dua jenis harga tanah yang berkenaan.

7. Jika penukaran jenis kegunaan tanah yang berkenaan itu melibatkan harga tanag tambahan (sebagai denda) maka anggaran nilai bangunan yang didirikan dengan melanggar syarat itu hendaklah dinyatakan dengan jelasnya di dalam Kertas MMK yang sama. Nilai bagi bangunan-bangunan lain yang tidak terlibat yakni yang tidak melanggar syarat tidak perlu dibuat walaupun bangunan itu terletak di atas lot yang sama.

8 Dengan pengeluaran pengedaran ini, perenggan 4 daripada Pengedaran PTG. Bil 1/71 hendaklah dibatalkan. Syarat-syarat dan peruntukan-peruntukan di bawah perenggan-perenggan yang lain terus dipakai seperti biasa.

9 Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pengedaran PTG. KN. Bil 2/1975 yang telah dikeluarkan pada 13.9.1975.

t.t
(Mohd Tajol Aros bin Ahmad)
Pengarah Tanah dan Galian
Kelantan

KEPADA:

Semua PHT dan Penolong PHT
Kelantan.

SALINAN KEPADA:

YB.Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.

YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.

Semua Pegawai-pegawai Jajahan, Kelantan.

Juru Odit Negeri.

Pegawai Tadbir, L.K.T.N Kelantan

Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN, KOTA BHARU.**

PTG. KN. 176/(22)

BERTARIKH: 27HB. JUN 1976